

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

ATW103 - UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Soalan 1

(a) Apakah fakta-fakta dan keputusan dalam kes Carlill v Carbolic Smokeball Co (1893)?

[15 markah]

(b) Dibawah peraturan pos, penerimaan menerusi pos adalah sempurna dan berkesan bila surat penerimaan dipos. Bolehkah penerima menarik balik penerimaannya sebelum surat penerimaan diterima oleh pemberian tawaran (offeror)?

[10 markah]

Soalan 2

(a) Apakah itu doktrin janji estoppel?

[7 markah]

...2/-

- 2 -

- (b) Dalam tahun 1990, Pak Sukasewa telah menyewa pangsapurnya kepada Encik Mahusewa pada sewa RM20,000.00 setahun. Dalam tahun 1991 keadaan menjadi sangat sukar untuk Encik Mahusewa untuk membayar sewa sepenuhnya. Dalam keadaan ini Pak Sukasewa bersetuju secara tulisan untuk menerima sewa sebanyak RM10,000.00 setahun. Sewa yang dikurang ini dibayar dari tahun 1991-1994. Dalam tahun 1995 keadaan kewangan Encik Mahusewa telah pulih menjadi sangat baik. Pak Sukasewa menyaman Encik Mahusewa untuk menuntut sewa sepenuhnya (RM20,000.00) untuk tahun-tahun 1991-1994 dan tahun-tahun berikutnya.

Nasihatkan Encik Mahusewa.

[18 markah]

Soalan 3

- (a) Apakah itu representasi? [5 markah]
- (b) Obligasi-obligasi dalam kontrak tidak semuanya sama penting. Terma-terma dalam kontrak dibahagikan kepada syarat dan waranti. Bincangkan.

[20 markah]

Soalan 4

Satu pihak yang terikat kepada obligasi-obligasi dalam kontrak boleh dilepaskan daripada obligasi-obligasi tersebut melalui perlaksanaan, mungkir, persetujuan atau kekecewaan. Bincangkan keempat-empat perkara ini dengan merujuk kepada kes-kes berkenaan.

[25 markah]

Soalan 5

- (a) Bila satu pihak kepada kontrak memungkir perjanjian, satu pihak yang lagi itu mempunyai beberapa remedi. Apakah remedi-remedi berkenaan.

[15 markah]

- (b) Bincangkan secara mendalam kes Hadley v Baxendale.

[10 markah]

...3/-

Soalan 6

- (a) Terangkan maksud Quasi Contract? [10 markah]
- (b) Apakah fakta-fakta dan keputusan dalam kes-kes Brook's Wharf and Bull Wharf, Ltd. v. Goodman Brothers (1937) dan Exall v Partridge (1799).

[15 markah]

Soalan 7

Pilih mana-mana DUA daripada perkara-perkara berikut dan jelaskan. SEMUA kes yang berkaitan mesti disebutkan.

- (a) Niat untuk wujudkan hubungan undang-undang. [12½ markah]
- (b) Kontrak-Kontrak Piawai. [12½ markah]
- (c) Pembatalan Tawaran. [12½ markah]
- (d) Salahnyata Cuai. [12½ markah]
- (e) Terma-Terma Nyata. [12½ markah]

